

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



BAGAIMANA MENGEKALKAN FOKUS PELAJAR DI DALAM KELAS?

Ditulis oleh: Rozianiwati Yusof

Sri Yusmawati Mohd Yunus

Normaziah Abdul Rahman

Norhafizah Hashim

Nor Azlina Aziz Fadzillah

Pengajaran dan pembelajaran merupakan perkara yang perlu dititik beratkan di dalam bidang pendidikan. Pelajar-pelajar yang terdiri daripada pelbagai peringkat serta latar belakang yang berbeza menjadikan proses pembelajaran yang efektif sukar untuk dilaksanakan. Satu daripada isu yang sering diperkatakan adalah proses penumpuan pelajar sewaktu pembelajaran yang mana akan mempengaruhi kefahaman pelajar tersebut. Di peringkat pengajian tinggi, salah satu daripada kaedah pengajaran adalah melalui syarahan di mana pensyarah menyalurkan maklumat yang penting berkenaan topik tersebut sebelum melakukan aktiviti seperti makmal, tutorial dan praktikal. Peringkat tersebut merupakan peringkat yang amat penting bagi memastikan pelajar memahami perkara asas bagi topik tersebut. Walau bagaimanapun, kebanyakan pelajar gagal untuk memberi fokus sepenuhnya terhadap syarahan tersebut. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh tiga faktor iaitu:

- **Gangguan**

Gangguan yang berlaku ketika proses pembelajaran seperti gangguan daripada rakan-rakan persekitaran serta keadaan pelajar tersebut. Sebagai contohnya, ada rakan-rakan yang gemar berborak, duduk di tepi tingkap, bunyi di kawasan persekitaran seperti muzik serta peralatan seperti telefon pintar dan komputer riba yang akan mengganggu fokus terhadap pengajaran. Keadaan pelajar yang letih, kelaparan serta emosi yang tidak stabil juga mempengaruhi fokus mereka ketika belajar.

- **Minat atau kefahaman pelajar**

Pelajar yang minat atau faham dengan subjek tersebut akan memberi fokus yang lebih terhadap pengajaran berbanding pelajar yang tidak faham atau minat.

- **Kaedah Pembelajaran Pelajar**

Setiap pelajar ada kecenderungan terhadap kaedah pembelajaran tertentu antaranya kaedah Visual, Audio dan Kinestetik. Oleh itu, jika kaedah penyampaian bersesuaian dengan kecenderungan pelajar, maka mereka akan lebih fokus pada ketika itu.



Justeru itu, pelbagai pendekatan perlu dilakukan oleh pensyarah bagi memastikan pelajar fokus kepada syarahan yang diberi. Terdapat beberapa langkah yang efektif, antaranya:

Peranan Pensyarah:

1. *Attention break* - Pensyarah boleh menetapkan masa rehat sekitar 3-5 minit bagi memastikan pelajar kembali kepada momentum asal. Pensyarah boleh melakukan aktiviti lain dengan menetapkan masa menggunakan penggera seperti pautan di bawah atau meletak sebarang gambar yang menarik perhatian pelajar.

<https://vclock.com>

2. Permainan (*Games*) - Pensyarah perlu menyediakan permainan untuk menarik kembali perhatian pelajar. Contohnya daripada laman web Puzzle.org, Yad.com, minisplay.com, CoolMath dan FunBrain.

3. Elakkan slaid yang penuh - Slaid yang terlampau sarat dengan maklumat

serta visual akan mengganggu pelajar untuk memfokuskan kepada perkara utama.

4. Penggunaan teknologi dalam pengajaran - Pensyarah perlu mencuba teknologi baru bagi membantu pengajaran seperti YouTube, Canva, Padlet, Mentimeter dan Quizizz.

5. Kepelbagaian kaedah pengajaran - Pensyarah boleh menggunakan pelbagai pendekatan bagi melengkapi kaedah pembelajaran pelajar dan tidak sekadar memberi syarahan. Antaranya melakukan perbincangan dalam kumpulan yang kecil, memberi kajian kes atau situasi sebenar berkaitan dengan topik yang diajar serta melakukan perbincangan secara *brainstorming* dan menghasilkan satu peta minda yang merangkumi keseluruhan topik.

6. Maklum balas di akhir kelas - Setiap kali berakhirnya suatu syarahan, pensyarah perlu mendapatkan maklum balas daripada pelajar untuk mengetahui sejauh mana pelajar tersebut memahami topik tersebut. Pensyarah bolehlah mencuba Mentimeter supaya maklum balas yang terhasil lebih menarik.

Peranan Pelajar

1. Duduk di barisan hadapan
2. Mencatat maklumat penting sewaktu syarahan

3. Memberi maklum balas sewaktu syarahan
4. Minum air untuk elakkan mengantuk serta mengembalikan tenaga
5. Sentiasa menggerakkan badan untuk mengelakkan ketegangan otot
6. Membuat persediaan awal sebelum kelas bermula
7. Pastikan tidur yang cukup

Peranan pensyarah dalam memastikan pelajar sentiasa fokus di dalam kelas adalah amat besar kerana ia memberi kesan terhadap pembelajaran pelajar-pelajar. Oleh itu, para pensyarah perlulah sentiasa kreatif serta mengkaji peranan diri mereka sebagai seorang pensyarah. Kerjasama pelajar juga amat penting dalam menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Para pelajar juga perlu sentiasa membuat persediaan yang lebih awal sebelum memasuki kelas bagi memastikan mereka mendapat segala ilmu yang disampaikan oleh pensyarah.

Rujukan

Classroom Strategies for Maintaining Student Focus, J.J. Greschler
https://www.researchgate.net/profile/Jared-Gerschler/publication/326066230_Classroom_Strategies_for_Maintaining_Student_Focus/links/5b3651ae0f7e9b0df5d99750/Classroom-Strategies-for-Maintaining-Student-Focus.pdf

[oom-Strategies-for-Maintaining-Student-Focus.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Jared-Gerschler/publication/326066230_Classroom_Strategies_for_Maintaining_Student_Focus/links/5b3651ae0f7e9b0df5d99750/Classroom-Strategies-for-Maintaining-Student-Focus.pdf)

Tip Untuk Kekal Fokus Semasa Belajar Yang Wajib Ketahui! <https://dailyrakyat.com/fokus-semasa-belajar/13583>

7 Ways to Increase a Student's Attention Span, David Reeves,
<https://www.edutopia.org/discussion/7-ways-increase-students-attention-span>

10 Ways to Secure Your Students' Attention, The TFA Editorial Team,
<https://www.teachforamerica.org/stories/10-ways-to-secure-your-students-attention>

14 Ways to Improve Student Concentration That Really Work, Jeanne Sager,
<https://www.teachstarter.com/us/blog/10-ways-to-improve-student-concentration-us/>